

UNIT 2: Bumi Dipijak Langit Dijunjung

Tahap Penguasaan

1 2 3 4 5 6

Buku Teks: m.s. 20 – 23

PBD ASAL USUL NEGERIKU

Berdasarkan pernyataan yang disediakan, nyatakan negeri yang dimaksudkan. SPI0.2.1



What?

Apakah sejarah asal-usul bagi nama negeri berikut?

Pernyataan	Negeri
1. Nama negeri ini berasal daripada perkataan Siam, <i>phrau loi</i> yang bermaksud kelapa hanyut.	
2. Nama negeri ini berasal daripada perkataan Arab, iaitu <i>kedah</i> yang bermaksud gelas berkaki.	
3. Nama negeri ini diperoleh sempena nama pokok pinang.	
4. Nama negeri ini diperoleh kerana di sungai negeri tersebut terdapat ikan yang berwarna perak.	
5. Nama negeri sempena sembilan negeri kecil disatukan di bawah satu pemerintahan.	
6. Nama negeri ini dinamakan oleh Parameswara sempena nama pokok tempat beliau bersandar.	
7. Nama negeri ini disebut oleh buku <i>Sejarah Melayu</i> sebagai Ujung Tanah.	
8. Nama negeri ini berasal daripada perkataan taring anu.	
9. Nama negeri ini berasal daripada pokok mahang yang rebah merentas sungai negeri tersebut.	
10. Sumber China menyatakan nama negeri ini ialah <i>Ho-lan-tan</i> atau <i>Kou-lo-tan</i> .	
11. Negeri ini mendapat nama daripada ungkapan "serah kepada awak" yang diucapkan oleh Pengiran Muda Hashim kepada James Brooke.	
12. Nama negeri ini berasal daripada nama sejenis pisang yang dipanggil pisang saba atau pisang jaba oleh orang Bajau.	